



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA, MALAYSIA
No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-80008000
Faks : 603-88808288
Laman Web : www.jpn.gov.my
E-mel : pro@jpn.gov.my

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO DI RUANGAN REAKSI BERTARIKH 14 DISEMBER 2016, RABU – M.S: 34 (REAKSI)

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh **RVD2576** berkaitan pemalsuan MyKad yang berleluasa di Sabah dan keperluan penggunaan pengimbas MyKad IPT300 bagi pendaftaran pengundi baru.

Ingin dimaklumkan, JPN sentiasa proaktif dalam menangani isu pemalsuan MyKad yang semakin berleluasa. Sekiranya **RVD2576** mempunyai bukti berdokumen berkaitan isu pemalsuan MyKad di Sabah, dipohon kerjasama beliau untuk hadir ke JPN berhampiran atau menghubungi Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, JPN Putrajaya di talian 03-8880 7770 bagi mengemukakan aduan rasmi agar tindakan lanjut dapat dibuat.

Ingin dijelaskan jua, urusan pendaftaran pengundi baru adalah di luar bidang kuasa JPN. Walau bagaimanapun, pembaca kad yang digunakan agensi – agensi berkaitan adalah di bawah kawalan agensi berkenaan.

FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

Tel. : 03-88807077

Faks : 03-88808288

14 Disember 2016

'RAKYAT DI HATI JPN'

